BIL. 48 SEP 2019

CREATE
e-newsletter

Kolaborasi Industri-UMP antara terbaik dunia dalam kebol

Usaha berterusan Universiti Malaysia Pahang (UMP) dalam berkolaborasi dengan industri bermula darip
sama industri bersama komuniti memperlihatkan keberhasilan apabila universiti ini tersenarai tempat ke-71
kriteria Kerjasama dengan Majikan *(Partnership with Employer)* dalam penarafan QS *Graduate Employabil*
September 2019 yang lalu.

Penarafan ini turut menobatkan UMP berada pada kedudukan 301-500 universiti terbaik dunia dari segi kel

Turut berada pada kelompok yang sama adalah Management and Science University (MSU), Universiti Kel
Malaysia (USM) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Manakala Universiti Malaya (UM) diumum sebagai universiti terbaik di Malaysia dari segi kebolehpa
kedudukan *ranking* 141-150 daripada 500 universiti terbaik dunia.

Menurut Naib Canselor UMP, Profesor Ir. Dr. Wan Azhar Wan Yusoff, UMP akan terus memberikan ya
graduan dan kebolehpasaran graduan bagi melahirkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimba

“Ia juga akan meningkatkan keupayaan bagi memperkasa bidang pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vo
keperluan industri di negara ini.

“Sebagai salah sebuah universiti yang agak muda pada usia 17 tahun ini, universiti sentiasa komit
penawaran program akademik melalui jalinan strategik di peringkat antarabangsa.

“Program kejuruteraan dan teknologi sentiasa ditambah nilai melalui proses penanda aras secara berte
seperti program kerjasama dengan Karlsruhe University of Applied Science (HsKA) Jerman,” katanya.

Model kerjasama akademik bagi program Dwiijazah Kejuruteraan Mekatronik dan Kejuruteraan Autom
Kejuruteraan Perniagaan dengan Hoshschule Reutlingen University (HsRT) di Jerman adalah termasuk p
jaringan kerjasama akademik yang kukuh dengan Republik Persekutuan Jerman.

Oleh itu, graduan-graduan daripada model kerjasama akademik ini akan lebih mudah ditawarkan p
mempunyai hubungan perniagaan dengan Jerman.

Kolaborasi profesional bersama alumni dalam Industry Network Alumni Platform (INAP) juga sebagai s
hubungan *(networking),* berinteraksi dan memberi sumbangsaran atas kapasiti profesional mereka.

Penganjuran Karnival Kerjaya dan *CEO@Faculty Programme* memperhebatkan penyertaan daripada se
sistem pendidikan tinggi negara melalui perkongsian pengalaman dan kepakaran tokoh-tokoh industri terse

Antara program yang dijalankan bersama CEO yang dipilih adalah siri kuliah jemputan, perbincangan
teaching).

UMP juga menilai kebolehan graduan bukan sahaja daripada segi peningkatan akademik malah turu
keusahawanan, kemampuan pengurusan, kemahiran sosial dan berkomunikasi bagi memenuhi kehendak
graduan bukan hanya bijak akademik, tetapi berketerampilan dalam kemahiran insaniah dan kemahiran int

Pusat Kecemerlangan Industri (I-CoE) juga dilihat sebagai satu mekanisme yang menghubungkan penga
bekerjasama dengan penyedia pendidikan agar pelajar diterapkan dengan kemahiran yang diperlukan da
teras iaitu program *internship* berstruktur (SIP), penempatan industri, pembangunan bakat dan *Training of*

Penilaian QS GE ini dibuat dengan mengambil kira lima petunjuk utama iaitu Reputasi Majikan (30 pera
dengan Majikan (25 peratus), Hubungan Majikan – Pelajar (10 peratus) dan Kadar Kebolehpasaran Gradua

Pengukuran bagi kriteria ini adalah berdasarkan kepada pengkalan data *Scopus Elsevier* terhadap kerjasa
kerjasama membabitkan 2000 syarikat global terkemuka yang disenaraikan oleh *Fortune* dan *Forbes.*

Kit Kerusi Roda Bermotor untuk warga em

Prihatin terhadap kepayahan warga emas di Pusat Jagaan Mahmudah di Semenyih untuk bergerak, dua pe
iaitu Dr. Mohamad Heerwan Peeie, 32 daripada Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal & Automotif (FT
33 daripada Fakulti Komputeran (FCom) berjaya mengubah suai kerusi roda biasa di pasaran kepada ke
buat warga emas dan mereka yang memerlukan alat bantuan untuk bergerak.

Dr. Mohamad Heerwan berkata, dengan adanya kerusi roda bermotor ini dapat membantu mengurangk
kebebasan kepada penghuni serta membantu mengembalikan keyakinan diri dan keceriaan kepada pengh

“Produk ini dibina berdasarkan standard rekaan kerusi roda di pasaran yang mana modul motor elekt
kesesuaian pasang siap pada mana-mana kerusi roda yang ada di pasaran.

“Selain itu, modul-modul dalam kit kerusi roda bermotor tersebut boleh disesuaikan dengan ketinggian da
kata Dr. Mohamad Heerwan.

Ujarnya, kit tersebut hanya memerlukan dua jam pengecasan melalui pengecas yang dibekalkan untuk per

“Manakala modul bateri dalam kit tersebut juga mempunyai ciri keselamatan seperti kunci keselama
kesesuaian pengguna.

“Malahan modul kawalan juga boleh disesuaikan mengikut tangan pengguna sama ada sebelah kanan a
kurang upaya untuk mengawal dengan lebih mudah.

“Modul motor dalam kit ini mampu membawa seseorang seberat 100 kg mendaki curam 20 darjah dengan

Menurut Dr. Syafiq pula, matlamat hasil penyelidikan ini dapat memberi kebebasan kepada warga
menjalankan urusan harian, sekali gus memudahkan penjaga-penjaga individu tersebut.

“Ternyata, hasil kerjasama bersama Pusat Jagaan Mahmudah, penghuni merasa lebih bebas dan staf bol
lebih mudah dan efisien.

Sementara itu, Pengurus Pusat Jagaan Mahmudah, Sazali Mohidein mengalu-alukan kerjasama ini dan tur

Menurutnya, pengubahsuaian kerusi roda asal kepada bermotor memudahkan pergerakan penghuni warga memandangkan mereka kekurangan staf bagi membantu pergerakan penghuni untuk ke surau, ruang mak

Kedua-duanya yang juga Felo Pusat Kejuruteraan Automotif (AEC) berkata, kajian bermula apabila penyelidikan bagi projek mengubah suai kerusi roda biasa di pasaran kepada kerusi roda bermotor.

Kajian telah bermula sejak tahun 2017 dan selepas beberapa prototaip, satu rekaan utk pengkomersialan t

Pihaknya juga telah mendapat sokongan Jabatan Penyelidikan dan Inovasi UMP melalui geran pengkomer

Anggaran kos bahan tersebut adalah sekitar RM2,500 dan buat masa ini mereka sedang bakal dipasar hadapan. Produk ini telah mendapat anugerah pingat perak pada Malaysia *Teknology Expo* (MTE) pada ta

Menurut Dr. Syafiq, pada masa akan datang mereka berhasrat memperkenalkan elemen *Internet of Thing* kondisi pengguna, yang mana ciri-ciri biometrik seperti kadar penafasan, degupan jantung, suhu badan bo bagi membantu kesan simpton-simpton penyakit.

Tambahnya, pihaknya mengalu-alukan orang ramai menyumbang bagi membantu warga emas di pusat ini.

“Hasil sumbangan rakyat Malaysia kepada pusat kebajikan bukan sahaja boleh memenuhi keperluan perkembangan teknologi yang diperlukan oleh pusat-pusat tersebut.

“Sekiranya, keperluan pusat-pusat tersebut dapat berhubung kepada platfom penyelesaian yang tepa dihasilkan. Beliau turut bercadang untuk menyesuaikan lebih banyak lagi hasil penyelidikan para pensy melalui inisiatif *crowdfunding.*

Dr. Mohamad Heerwan dan Dr. Syafiq Fauzi kedua-duanya merupakan penyelidik yang mempunya menyambung pengajian di Jepun.

Dr. Mohamad Heerwan mempunyai kepakaran dalam bidang Automotif terutamanya berkaitan kenderaan e

Begitu juga dengan Dr. Syafiq Fauzi yang mempunyai kepakaran dalam bidang Elektronik dan Sis

melaksanakan kajian berkenaan Kepintaran Buatan (AI), Sistem Perkakasan Internet (IOT) dan robotik.

Memuliakan Guru di Era Pendidikan Abad K

Oleh: AHMAD IRFAN IKMAL HISHAM
e-Mel: irfan@ump.edu.my

Manusia adalah sebaik-baik ciptaan Allah SWT. Mulianya manusia, adalah kerana ilmu. Sejak awal penci
telah mengajar baginda ilmu pengetahuan secara langsung, hingga menyebabkan para Malaikat dan
mereka mempersoal penciptaan manusia sebagai khalifah di muka bumi.

Firman Allah SWT, *“Dan Ia telah mengajarkan Nabi Adam, akan segala nama benda-benda dan gunanya,
lalu Ia berfirman: "Terangkanlah kepada-Ku nama benda-benda ini semuanya jika kamu golongan yang be*

Atas sebab itu, Allah SWT sentiasa memuliakan orang yang berilmu, khasnya yang terlibat dalam me
kedudukan guru adalah terlalu istimewa. Seorang penyair Arab Mesir, Ahmad Shauqi pernah menyatakan,

“Sambutlah guru, dan berikan penghormatan untuknya. Hampir-hampir seorang guru menyamai kedudukan

“Tahukah siapa orang yang lebih mulia dan lebih agung berbanding insan yang membangun dan membina

Beberapa tahun lepas, dunia pendidikan moden mula mempromosi Pendidikan Abad Ke-21. Proses pem
memberikan penerapan terhadap beberapa elemen penting seperti komunikasi, kolaboratif, pemikiran k

etika. Selain itu, proses pembelajaran dan pengajaran juga memberikan fokus kepada kaedah belajar de kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT).

Antara impak gagasan ini ialah pemanfaatan teknologi maklumat dalam sistem pembelajaran. Ini membabi sehinggalah aplikasi ringkas seperti grup sosial media *Whatsapp,* yang membolehkan ibu bapa dan guru anak di sekolah. Di peringkat pengajian tinggi pula, pembelajaran atas talian semakin mendapat tempa menawarkan program atas talian sepenuhnya, tanpa keperluan untuk bertemu dengan guru.

Antara kesan daripada perkembangan ini ialah persoalan adab dengan guru. Isu perselisihan dalam grup Kadang-kadang membabitkan isu yang remeh-temeh, seperti kehilangan barangan anak, yang memba Mahasiswa di universiti pula semakin kurang mementingkan adab dalam berkomunikasi dengan guru. K permohonan latihan industri atau permohonan kerja pun ditolak oleh majikan kerana kejanggalan dalam be

Guru dan pensyarah di universiti juga dinilai atas talian oleh pelajar mereka. Sekiranya pensyarah seora pelajar akan memberikan penilaian yang rendah kepada pensyarah berkenaan. Ada juga kes pelajar y mereka akan terus melaporkan ke pengurusan tertinggi, tanpa berbincang dahulu dengan pensyarah be pembelaan, tetapi malangnya imej sudah pun tercalar.

Guru hanyalah manusia biasa, mungkin melakukan kesilapan. Tetapi hilang adab dengan guru, baik d menyebabkan terputusnya keberkatan ilmu yang akhirnya merugikan pelajar itu sendiri. Amat jauh sikap m sekarang.

Abdullah bin Abbas, sepupu nabi yang muda, dilaporkan sentiasa menghormati salah seorang gurunya, s Thabit. Diriwayatkan, beliau sentiasa menghulurkan tangga kecil apabila Zaid ingin menunggang kuda Abbas sebagai adab kepada guru, walaupun beliau sendiri adalah seorang yang faqih dalam agama.


Imam al-Shafi'i juga amat teliti dalam menghormati gurunya. Beliau amat berhati-hati apabila membele bising, semasa berada dalam majlis ilmu yang dikendalikan oleh Imam Malik.

Imam Abu Hanifah pula dilaporkan tidak pernah melunjurkan kakinya ke arah rumah gurunya Hammad se jarak antara kedua-dua rumah mereka agak jauh.

Hasil daripada sikap menghormati guru ini, maka mengalirlah keberkatan dalam diri pelajar. Anak muri hebat, akhirnya menjadi seorang guru yang hebat. Untuk menghormati guru, tiada modal wang ringgit yan tidak pernah mengharapkan hadiah dan sanjungan, sebaliknya yang diperlukan ialah penghargaan serta si pembelajaran.

Buat para guru, terima kasih atas komitmen anda untuk mendidik anak bangsa menjadi orang yang berilm agar dihormati oleh anak murid. Sentiasalah berpenat dan berkorban dalam membentuk generasi akan tema Hari Guru 2019 yang telah dilancarkan oleh Menteri Pendidikan Yang Berhormat Dr. Mazlee Malik, ia

Penulis ialah Pensyarah di Pusat Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang.



- 110 views

View PDF

Newsletter Image

CREATE
e-newsletter

Universiti Malaysia PAHANG

Universiti Teknologi Bertaraf Dunia

